

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**

**KAWASAN : KLANG**

**NO. SOALAN : 277**

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kementerian telah membuat kajian impak FTA yang telah ditandatangani beberapa tahun lalu, kepada ekonomi negara dan khususnya perniagaan kecil dan sederhana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani 13 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Tujuh FTA tersebut adalah perjanjian dengan rakan dua hala Malaysia, yang telah dimeterai seperti berikut:

<u>Negara</u>	<u>Tarikh di Meterai</u>
i. Jepun	13 Disember 2005
ii. Pakistan	8 November 2007

- iii. New Zealand 26 Oktober 2009
- iv. India 18 Februari 2011
- v. Chile 13 November 2010
- vi. Australia 22 Mei 2012
- vii. Turki 17 April 2014 (dijangka akan mula berkuatkuasa pada Ogos 2015)

Manakala enam FTA lagi adalah perjanjian yang ditandatangani diperingkat serantau seperti berikut:

<u>Negara</u>	<u>Tarikh di Meterai</u>
i. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)	28 Januari 1992
ii. ASEAN-Jepun	8 Oktober 2003
iii. ASEAN-China	29 November 2004
iv. ASEAN-Republik Korea	24 Ogos 2006
v. ASEAN-India	13 Ogos 2009
vi. ASEAN-Australia-New Zealand	27 Februari 2009

Tuan Yang Di Pertua,

Satu kajian telah dijalankan oleh Boston Consulting Group pada tahun 2014 bagi menilai kesan pelaksanaan FTA kepada industri dan pengguna. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa terdapat kesan positif hasil pelaksanaan FTA, terutama dari aspek peningkatan eksport kepada negara rakan FTA, serta peningkatan dalam perhubungan dua hala diperingkat Kerajaan dan diantara

komuniti perniagaan. Namun, masih terdapat cabaran diperingkat pelaksanaan, terutamanya dari segi meningkatkan penggunaan FTA serta halangan bukan tarif.

Berhubung dengan kesan kepada perniagaan kecil dan sederhana, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa perniagaan kecil dan sederhana terus berusaha untuk meningkatkan daya saing diperingkat dalam negeri serta diperingkat global. Pelbagai bantuan dalam bentuk geran, pinjaman mudah serta latihan disediakan kepada perniagaan kecil dan sederhana untuk meningkatkan produktiviti, inovasi serta daya saing.

Disamping itu, MITI juga sentiasa menyalurkan maklumat mengenai FTA kepada perniagaan kecil dan sederhana agar golongan tersebut turut mendapat faedah dan manfaat di bawah FTA. Perniagaan kecil dan sederhana juga dapat menerokai pasaran baru bagi produk dan perkhidmatannya melalui layanan keutamaan (*preferential treatment*) dibawah FTA serta mendapat sumber input dan bahan mentah pada kos yang lebih murah dengan pengurangan atau pemansuhan duti import dan mendapat faedah dari rangkaian pembekalan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem ekonomi yang terbuka, kita amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Statistik Bank Dunia menunjukkan bahawa bagi tahun 2013, jumlah perdagangan barangan Malaysia adalah 1.4 kali jumlah KDNK, meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang paling banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa, iaitu negara ketiga di belakang Singapura (2.6) dan Hong Kong (4.2) antara negara-negara

Asia. Oleh yang demikian dasar FTA akan terus menjadi dasar utama negara bagi meningkatkan perdagangan serta memperbaiki ketelusan dalam perdagangan agar negara dapat melonjak kearah status negara maju menjelang tahun 2020.